

Kehilangan MH370 Tidak Jejas Kedatangan Lima Juta Pelancong Ke Perak Bernama

4 Apr, 2014

IPOH, 4 April (Bernama) -- Kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370 tidak menjejaskan sasaran kedatangan lima juta pelancong ke Perak sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014, kata Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Nolee Ashilin Mohammed Radzi.

Beliau berkata kerajaan negeri melalui Perak Tourism Management Berhad telah mengambil pendekatan dengan memberi fokus utama kepada promosi, pemasaran, anjuran acara, pembangunan dan naik taraf infrastruktur serta latihan asas serta produk pelancongan baharu.

"Kerajaan negeri juga bertindak untuk menyelaraskan pembangunan dan menyediakan pakej-pakej pelancongan yang baharu dan khusus mengikut kategori pelancongan yang sedia ada," katanya ketika menggulung perbincangan menjunjung kasih titah ucapan Pemangku Raja Perak Raja Dr Nazrin Shah pada persidangan Dewan Undangan Negeri Jumaat.

Beliau berkata penganjuran acara pelancongan masih diteruskan bagi menarik pelancong ke Perak yang antara program yang dirancang dilaksanakan tahun ini ialah Ipoh International Run, Royal Belum International Arts Festival, Pangkor International Dialogue dan International Ipoh City Fun Ride.

"Sebanyak 30 acara dijalankan diperingkat daerah dan peruntukan RM2 juta diperuntukan untuk acara-acara tersebut," katanya.

Nolee Ashilin berkata kerajaan negeri sentiasa komited dan akan sentiasa memantau dan mengkaji semula keperluan supaya perancangan industri pelancongan Perak akan tercapai.

Mengenai wabak denggi, beliau berkata pada tahun ini, sebanyak 556 kompaun telah dikeluarkan di bawah Akta Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit 1975 terhadap pemilik premis yang didapati membiak nyamuk Aedes semasa aktiviti kawalan dijalankan.

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat, beliau berkata selain daripada aktiviti konvensional dan fizikal, Kementerian Kesihatan juga menggunakan pelbagai media bagi tujuan mempromosi langkah pencegahan denggi kepada masyarakat termasuk menggunakan media arus perdana dan media sosial.

"Mobilisasi masyarakat bersama kepimpinan tidak boleh terhenti selepas sekali program, tetapi haruslah berkala dan berterusan untuk membanteras dan lagi penting membudayakan amalan memerangi denggi," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027954>